

29/10/2003

Gerakan yakin ketokohan Pak Lah

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memimpin negara dengan baik apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri

daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata walaupun corak kepemimpinan Abdullah mungkin berbeza daripada Dr Mahathir serta bekas Perdana Menteri lain, matlamat pemerintahannya bagi membangunkan negara adalah sama seperti dimulakan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Walaupun kita bersedih dengan persaraan Dr Mahathir, kita yakin sistem politik Barisan Nasional (BN) akan menjamin peralihan kuasa yang licin lagi bermakna.

"Gerakan mengalu-alukan Abdullah dan yakin beliau akan memastikan kestabilan berterusan," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Deepavali anjuran Gerakan, di ibu pejabat parti itu, di sini malam tadi.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Wong Yoon Chuan dan Senator Datuk Dr S Vijayarajam.

Dr Lim berkata, Gerakan juga memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Abdullah untuk menerajui negara serta BN dan berikrar terus memainkan fungsi sebagai parti komponen yang baik.

Katanya, Gerakan menyerahkan kepada kebijaksanaan Abdullah untuk menentukan tarikh dan calon pilihan raya umum kelak.